

09/05/2001

Selangor kesal ada NGO hasut setinggan

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Selasa - Kerajaan negeri kesal dengan perbuatan segelintir pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang cuba mempengaruhi setinggan supaya tidak menerima tawaran rumah kos rendah, sebaliknya membuat dakwah mereka berhak mendapat rumah percuma.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perbandaran, Kerajaan Tempatan dan Setinggan, Datuk Mokhtar Dahlan, berkata beliau mendapat tahu ada segelintir NGO yang memberitahu mereka berhak mendapatkan rumah percuma, sedangkan perkara itu sebenarnya mustahil.

Menurutnya, NGO terbabit membuat dakwah bahawa setinggan tidak perlu membeli rumah kos rendah dan boleh menuntut rumah secara percuma sehingga ada yang menolak apabila ditawarkan rumah pada harga berpatutan semata-mata hendak menunggu rumah percuma.

"Saya berharap setinggan tidak terpengaruh dengan dakwah ini kerana mustahil untuk kita memberikan rumah kos rendah secara percuma.

"Sekiranya NGO terbabit boleh menyediakan dan memberikan rumah secara percuma, saya cadangkan mereka sendiri yang bina dan tawarkan kepada setinggan," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, hari ini selepas menerima kunjungan Ketua Umno Bahagian Gombak, Ahmad Bujang.

Beliau berkata, masalah setinggan terutama di kawasan Ampang Jaya mendapat perhatian serius daripada kerajaan negeri dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Jawatankuasa Setinggan peringkat kebangsaan.

Menurutnya, kajian ke atas setinggan di kawasan berkenaan mendapati hampir 1,200 keluarga terdapat di Sungai Purun dengan 80 peratus adalah pendatang tanpa izin manakala yang terbaru dikesan ialah di Kampung Perak membabitkan 800 orang dengan 90 peratus adalah warga asing.

"Kita sudah membuat bancian dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi membolehkan perancangan dan penyelesaian yang berkesan dilaksanakan di situ.

"Seterusnya setinggan tempatan akan ditawarkan rumah kos rendah di kawasan berhampiran manakala pemegang kad merah yang mempunyai anak-anak kad biru diberi kebenaran menyewa," katanya.

Beliau berkata, bagi mengelakkan kawasan sedia ada terus menjadi penempatan setinggan, beberapa rundingan diadakan dengan pemaju untuk membangunkan kawasan itu dengan projek rumah kos rendah.

"Sebagai contoh di Sungai Purun, kita sudah berunding dengan pemaju dan tuan tanah untuk membina rumah kos rendah di kawasan seluas empat hektar bagi peringkat pertama dan pemaju bersetuju membina rumah panjang sementara bagi menempatkan 230 setinggan terbabit," katanya.

Sementara itu, dalam pertemuan dengan Ahmad yang dipilih pada mesyuarat perwakilan kali kedua, Mohd Mokhtar membincangkan mengenai program pembangunan di kawasan Gombak.

Menurut Mohd Mokhtar, selain masalah setinggan di kawasan itu, penduduk juga berdepan banjir, terutama banjir lumpur, penjaja tidak berlesen yang berniaga di tempat tidak teratur, termasuk tepi jalan dan kawasan perumahan sehingga menyebabkan gangguan bunyi bising dan bau busuk.

"Saya mahu Pihak Berkuasa Tempatan bekerjasama dengan Ahmad dan meminta penduduk menggunakan sepenuhnya perkhidmatan Exco yang akan diadakan setiap Isnin mulai jam 3 petang hingga 6 petang bagi menyampaikan sebarang masalah," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata, beliau akan meneruskan program yang

disusun oleh pemimpin Umno yang terdahulu dan mengalu-alukan sebarang aduan serta cadangan daripada rakyat di kawasannya.

Menurutnya, beliau boleh ditemui di Pusat Khidmat Masyarakat yang akan dibuka di Balai Penghulu Hulu Klang atau dihubungi menerusi talian 019-3815234 atau 03-61891089 pada bila-bila masa.

(END)